



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI AKAUN EKONOMI NEGARA MALAYSIA

Tabungan kasar Malaysia merekodkan RM402.6 bilion pada 2021

PUTRAJAYA, 19 Disember 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan Akaun Ekonomi Negara Malaysia dimana sebelum ini dikenali Akaun Pengagihan & Penggunaan Pendapatan dan Akaun Modal. Statistik Akaun Ekonomi Negara menggambarkan keseluruhan indikator makroekonomi berkaitan pendapatan, tabungan, pelaburan dan pemberian pinjaman bersih atau penerimaan pinjaman bersih bagi setiap sektor institusi dalam ekonomi. Oleh itu, Akaun Ekonomi Negara membentangkan gambaran lengkap transaksi serta hubungan antara pelbagai aliran ekonomi. Aliran ekonomi disusun mengikut empat sektor institusi, iaitu Perbadanan bukan kewangan, Perbadanan kewangan, Kerajaan am, dan Isi rumah termasuk Institusi bukan untung yang berkhidmat untuk isi rumah melalui jujukan akaun bersepadu berdasarkan Sistem Akaun Negara 2008 (SNA).

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pendapatan boleh guna kasar Malaysia mencatatkan RM1,497.1 bilion pada 2021 dengan sektor Isi rumah berjumlah RM903.1 bilion. Pendapatan boleh guna Isi rumah meningkat 2.8 peratus berbanding penurunan 4.1 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh penerimaan faedah sosial yang lebih tinggi dan peningkatan dalam kadar penyertaan buruh. Ini telah menyebabkan penggunaan akhir atau perbelanjaan isi rumah meningkat pada 2021 dengan mencatatkan pertumbuhan 3.7 peratus (2020: -4.3%). Oleh itu, kadar tabungan isi rumah Malaysia adalah 8.3 peratus (2020: 8.5%) daripada pendapatan boleh guna isi rumah (termasuk pelarasan perubahan kelayakan pencen) pada 2021."

Beliau menambah, "Pendapatan boleh guna negara kasar mengukur pendapatan yang tersedia kepada keseluruhan ekonomi untuk penggunaan akhir dan tabungan kasar. Oleh itu, Tabungan negara kasar (TNK) merekodkan RM402.6 bilion (2020: RM337.9 bilion) pada 2021, peningkatan sebanyak 19.1 peratus daripada tahun sebelumnya. Dari segi institusi, sektor Perbadanan bukan kewangan merekodkan tabungan kasar tertinggi dengan RM283.3 bilion (sumbangan: 70.4%). Ini diikuti oleh Isi rumah dengan RM80.8 bilion (sumbangan: 20.1%) dan sektor Kerajaan am dengan RM21.8 bilion (sumbangan: 5.4%). Selebihnya tabungan kasar oleh sektor Perbadanan kewangan yang berjumlah RM16.7 bilion atau 4.1 peratus daripada TNK."

Mengulas lanjut, ekonomi Malaysia merupakan Pemberi pinjaman bersih kepada sektor luaran dengan RM59.7 bilion atau 3.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2021. Pemberian pinjaman bersih (+) atau Penerimaan pinjaman bersih (-) merupakan perubahan dalam nilai kekayaan disebabkan oleh tabungan serta pindahan modal yang ada digunakan untuk membiayai pembentukan modal atau pelaburan. Oleh itu, sektor Perbadanan bukan kewangan memegang kedudukan Pemberian pinjaman bersih sebanyak RM119.1 bilion atau 7.7 peratus daripada KDNK. Kedua-dua sektor Isi rumah dan Perbadanan kewangan juga mencatatkan kedudukan Pemberian pinjaman bersih dengan masing-masing RM28.3 bilion (1.8% daripada KDNK) dan RM4.6 bilion (0.3% daripada KDNK). Namun begitu, sektor Kerajaan am mencatatkan kedudukan Penerimaan pinjaman bersih dalam ekonomi dengan jumlah RM92.3 bilion (-6.0% daripada KDNK) pada 2021.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Diterbitkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 DISEMBER 2023**